



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

K@MPOI

Kedah Academic Master Plan of Intervention

Sains Modul Set 2

PENGHARGAAN

UNIT SAINS DAN MATEMATIK SEKTOR PEMBELAJARAN, JPN KEDAH

mengucapkan sekalung penghargaan kepada

PANEL PENGGUBAL MODUL

KU ZURISHAM BIN KU MAHAMAD	<i>Jabatan Pendidikan Negeri Kedah</i>
ABDUL SHOMAD BIN JAAFAR	<i>SMK Kepala Batas (Ketua Panel)</i>
MOHD SABRI BIN RASHID	<i>SMK Kuala Pegang</i>
MOHD SHARIZAN BIN ISHAK	<i>SMK Labu Besar</i>
MOHD NUZI BIN SULAIMAN	<i>SMK Bukit Payong</i>
AZIZAN BIN YAHAYA	<i>SMK Hosba</i>
JAMIL BIN A. BAKAR @ ABU BAKAR	<i>Maktab Mahmud Pokok Sena</i>
FAUZAN NAIM BIN ALIAS	<i>Kolej Sultan Abdul Hamid</i>
SYAHIDA BINTI OMAR	<i>SMA Saadah Al-Diniah Al Islamiah</i>
RUHILL FATHEIN BINTI MOHAMMAD	<i>SMK Kuala Nerang</i>
SHARULHANY BINTI MOHAMAD NOR	<i>SMK Taman Ria</i>
NOORZANARIAH BINTI SALEH	<i>SMK Guar Chempedak</i>
NOOR ASMA BINTI AHMAD	<i>SMK Jitra</i>
ROSSHUHAIZA BINTI BAHARI	<i>SMK Agama Baling</i>
NORLIZA BINTI MD LAZIM	<i>SMK Ayer Hitam</i>
NURUL AKMA BINTI BAHARI	<i>SMK Sungai Kob</i>
NOOR AZREEN BINTI ARIDI	<i>Sekolah Model Khas Bukit Jenun</i>
ROSMIZAN BINTI OSMAN	<i>SMK Tunku Panglima Besar</i>
SHAHNAZ BINTI ABDULLAH	<i>SMK Tunku Temenggung</i>
SITI ASILAH BT ABDUL RAHMAN	<i>SMA Daril Iktisam</i>
NURUL AZZUIN IZWANTY BINTI MOHAMAD RAZALI	<i>SMA Irsyadiah Jeneri</i>

PANDUAN PENGGUNAAN

PANDUAN PENGGUNAAN MODUL K@MPoI

Ke hadapan rakan guru mata pelajaran Sains yang dihormati.

Bahan intervensi ini dibangunkan bagi tujuan manfaat bersama para guru dan anak-anak murid yang mengambil mata pelajaran Sains Teras di sekolah. Bahan sumber ini dinukilkan atas kepentingan faktor penambahbaikan penerapan amalan pedagogi yang betul di sekolah. Ia juga bertujuan untuk membantu menyaring kelemahan penguasaan murid dari kualiti jawapan (respons item) dan kefahaman penguasaan kandungan topik secara berfokus.

Menjadi hasrat dan harapan agar bahan intervensi ini tidak dijadikan sebagai **tool** ramalan Pentaksiran SPM. Bahan sumber ini dibangunkan dengan pendekatan secara bertulis dan ditatarkan secara bersemuka kepada guru-guru tentang tertib penggunaannya. Terdapat dua set bahan intervensi yang dibangunkan pada tahun 2022 ini iaitu set:

1. Pengupayaan kualiti pedagogi guru berbantuan item
2. Pengupayaan penguasaan kandungan murid berfokus elemen item secara pendekatan topikal

Dalam Set 1 untuk Edisi Guru disertakan Jadual Bidang Pembelajaran dan Standard Kandungan untuk rujukan pantas guru - pelaksanaan pengoperasian Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam rutin amalan pedagogi di lapangan. Bagi membiasakan amalan pedagogi yang betul dan tujuan objektif pentaksiran mata pelajaran Sains sebagaimana terkandung dalam butiran dokumen Lembaga Peperiksaan (Format Pentaksiran Sains SPM – Cetakan Pertama 2020) maka dalam Edisi Guru dinyatakan sekali Elemen / Konstruk Item. Rasionalnya adalah melalui pendekatan ini, para guru lebih cakna dengan **objektif mata pelajaran Sains dalam DSKP** dan juga **objektif pentaksiran**.

Pelaksanaan penggunaan bahan sumber intervensi ini secara taktikal dan terancang adalah amat penting supaya ia memberi kesan mendalam kepada murid. Disarankan supaya Set 1 diedarkan bagi kegunaan murid Tingkatan Lima tahun 2022 sebelum pelaksanaan Peperiksaan Percubaan SPM manakala Set 2 disyorkan untuk kegunaan murid Tingkatan 5 selepas Peperiksaan Percubaan SPM.

Adalah sangat digalakkan Set 2 juga digunakan secara meluas bagi murid Tingkatan Empat bersesuaian dengan Standard Kandungan yang telah dipelajari. Pelaksanaan pengoperasian Set 2 perlu dikawal selia tempoh masa murid merespons jawapan. Ini membantu murid bagi tujuan jangka panjang dalam persediaan kualiti menjawab. Skema jawapan disediakan pada satu set bahagian yang terpisah. Penyediaan skema ini secara asasnya diharap membantu perancangan pengoperasian pendekatan guru yang berkesan di dalam bilik darjah.

Untuk peningkatan profesionalisme guru dan juga kualiti kemenjadian murid, diraikan segala cadangan penambahbaikan melalui pautan berikut : <https://bit.ly/responsSn>

JADUAL BIDANG PEMBELAJARAN DAN STANDARD KANDUNGAN

TINGKATAN 4

BIL.	Bidang Pembelajaran / Standard Kandungan (SK)
1.0	Langkah Keselamatan dalam Makmal
1.1	Peralatan perlindungan diri
1.2	Pembuangan Bahan Sisa
1.3	Pemadam Kebakaran
2.0	Bantuan Kecemasan
2.1	Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)
2.2	Heimlich Maneuver
3.0	Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan
3.1	Suhu Badan
3.2	Kadar Denyutan Nadi
3.3	Tekanan Darah
3.4	Indeks Jisim Badan (Body Mass Index, BMI)
4.0	Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam
4.1	Kelestarian Alam Sekitar
4.2	Sektor Tenaga
4.3	Sektor Pengurusan Sisa dan Air Sisa
4.4	Sektor Pertanian dan Perhutanan
4.5	Sektor Pengangkutan
4.6	Teknologi Hijau dan Kehidupan
5.0	Genetik
5.1	Pembahagian Sel
5.2	Pewarisan
5.3	Mutasi
5.4	Teknologi Kejuruteraan Genetik
5.5	Variasi
6.0	Sokongan, Pergerakan dan Pertumbuhan
6.1	Sokongan, Pergerakan dan Pertumbuhan Haiwan
6.2	Pergerakan dan Pertumbuhan Manusia
6.3	Sokongan, Pertumbuhan dan Kestabilan dalam Tumbuhan
7.0	Koordinasi Badan
7.1	Sistem Endokrin
7.2	Gangguan kepada Koordinasi Badan
7.3	Minda yang sihat
8.0	Unsur dan Bahan
8.1	Asas Jirim
8.2	Jadual Berkala Unsur Moden
8.3	Isotop

JADUAL BIDANG PEMBELAJARAN DAN STANDARD KANDUNGAN

TINGKATAN 4

9.0	Kimia Industri
9.1	Aloi
9.2	Kaca dan Seramik
9.3	Polimer
10.0	Kimia dalam Perubatan dan Kesihatan
10.1	Perubatan Tradisional, Perubatan Moden dan Perubatan Komplementari
10.2	Radikel Bebas
10.3	Bahan Antioksida
10.4	Produk Kesihatan
11.0	Daya dan Gerakan
11.1	Gerakan Linear
11.2	Graf Gerakan Linear
11.3	Pecutan Graviti dan Jatuh Bebas
11.4	Jisim dan Inersia
12.0	Tenaga Nuklear
12.1	Penggunaan Sumber Tenaga Nuklear
12.2	Penghasilan Tenaga Nuklear
12.3	Impak Penggunaan Tenaga Nuklear
12.4	Tenaga Nuklear di Malaysia

JADUAL BIDANG PEMBELAJARAN DAN STANDARD KANDUNGAN

TINGKATAN 5

BIL.	Bidang Pembelajaran / Standard Kandungan (SK)
1.0	Mikroorganisma
1.1	Dunia mikroorganisma
1.2	Mikroorganisma berfaedah
1.3	Pencegahan dan rawatan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma
2.0	Nutrisi Dan Teknologi Makanan
2.1	Gizi seimbang dan nilai kalori
2.2	Keperluan nutrien oleh tumbuhan
2.3	Kitar Nitrogen
2.4	Teknologi pengeluaran makanan
2.5	Teknologi pemprosesan makanan
2.6	Makanan dan suplemen kesihatan
3.0	Kelestarian Alam Sekitar
3.1	Kitaran hayat produk
3.2	Pencemaran alam sekitar
3.3	Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
4.0	Kadar Tindak Balas
4.1	Pengenalan kadar tindak balas
4.2	Faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas
5.0	Sebatian Karbon
5.1	Pengenalan sebatian karbon
5.2	Hidrokarbon
5.3	Alkohol
5.4	Lemak
5.5	Minyak Sawit.
6.0	Elektrokimia
6.1	Sel Elektrolitik
6.2	Sel kimia
7.0	Cahaya Dan Optik
7.1	Pembentukan imej oleh kanta.
7.2	Peralatan optik
8.0	Daya Dan Tekanan
8.1	Tekanan dalam bendalir
9.0	Teknologi Angkasa Lepas
9.1	Satelit
9.2	Sistem Penentu Sejagat (<i>Global Positioning System, GPS</i>)

ISI KANDUNGAN

TINGKATAN 4

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
1	LANGKAH KESELAMATAN DALAM MAKMAL	1
2	BANTUAN KECEMASAN	4
3	TEKNIK MENGUKUR PARAMETER KESIHATAN BADAN	6
4	TEKNOLOGI HIJAU DALAM MELESTARIKAN ALAM	9
5	GENETIK	13
6	SOKONGAN, PERGERAKAN DAN PERTUMBUHAN	16
7	KOORDINASI BADAN	19
8	UNSUR DAN BAHAN	22
9	KIMIA INDUSTRI	25
10	KIMIA DALAM PERUBATAN DAN KESIHATAN	29
11	DAYA DAN GERAKAN	32
12	TENAGA NUKLEAR	35

TINGKATAN 5

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
1	MIKROORGANISMA	39
2	NUTRISI DAN TEKNOLOGI MAKANAN	44
3	KELESTARIAN ALAM SEKITAR	48
4	KADAR TINDAK BALAS	52
5	SEBATIAN KARBON	55
6	ELEKTROKIMIA	59
7	CAHAYA DAN OPTIK	65
8	DAYA DAN TEKANAN	68
9	TEKNOLOGI ANGKASA LEPAS	71

TINGKATAN 4

BAB 1: LANGKAH KESELAMATAN DI DALAM MAKMAL

SK 1.1 PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI

SP 1.1.1 Menjelaskan dengan contoh peralatan perlindungan diri serta fungsinya.

Elemen : Menganalisis

1. Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menunjukkan dua peralatan yang berada di dalam sebuah makmal.



Rajah 1.1



Rajah 1.2

Berikan **satu** persamaan dan **satu** perbezaan bagi kedua-dua peralatan ini dari segi fungsi masing-masing.

.....

.....

.....

[2 markah]

Elemen : Menilai

2. Rajah 2 menunjukkan seorang murid sedang mengendalikan bahan kimia di dalam makmal.



Rajah 2

Berdasarkan pengetahuan sains anda, kenal pasti ketidakakuran prosedur perlindungan diri semasa mengendalikan bahan kimia tersebut dan apakah kesannya terhadap tindakan itu?

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Persamaan – 1m
Perbezaan – 1m
BT: Ms 5

Kesalahan – 1m
Kesan – 1m
BT: Ms 4

SK 1.2 PEMBUANGAN BAHAN SISA

SP 1.2.3 Menguruskan bahan sisa biologi.

Elemen : Menganalisis

3. Rajah 3 menunjukkan dua bahan sisa biologi.



Rajah 3

Banding bezakan pengurusan pelupusan dua bahan sisa biologi tersebut.

.....

.....


.....

[2 markah]

SP 1.2.1 Menjelaskan dengan contoh bahan yang boleh dibuang ke dalam sinki.

Elemen : Menilai

4. Rajah 4 menunjukkan seorang murid sedang menjalankan eksperimen dengan menggunakan bahan X.



Rajah 4

Murid itu membuang sisa bahan X ke dalam sinki selepas selesai eksperimen. Wajarkan tindakan murid tersebut.

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Persamaan – 1m
Perbezaan – 1m
BT: Ms 8

Bahan X – 1m
Fakta – 1m
BT: Ms 6 / 7

SK 1.3 PEMADAM KEBAKARAN

SP 1.3.1 Berkomunikasi mengenai jenis pemadam kebakaran.

Elemen : Menilai

5. Selain daripada pemadam api jenis serbuk kering, pemadam api jenis ABC kerap menjadi pilihan untuk diletakkan di bangunan perniagaan. Wajarkan pernyataan ini.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:


Kelebihan pemadam api
ABC – 4m
BT: Ms 11

SK 2.1 Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)
SK 2.2 Heimlich Manoeuvre

SP 2.1.1 Menyatakan apakah itu CPR dan situasi yang memerlukan CPR.
SP 2.2.1 Menerangkan Heimlich Manoeuvre dan kepentingannya.

Elemen : Menganalisis

1. Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menunjukkan dua kaedah bantuan kecemasan.



Rajah 1.1



Rajah 1.2

Berdasarkan Rajah 1.1 dan Rajah 1.2, banding dan bezakan kedua-dua kaedah bantuan kecemasan tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

SK 2.1 Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)

SP 2.1.1 Menyatakan apakah itu CPR dan situasi yang memerlukan CPR.

Elemen : Menilai

2. Aiman terjatuh ke dalam sungai ketika melalui titi. Ketika kejadian, Khairul turut melalui titi tersebut dan berjaya menarik Aiman keluar dari sungai itu. Khairul mendapati Aiman tidak sedar diri dan beliau memberi bantuan kecemasan dengan menekan dada Aiman beberapa kali dan diselang seli dengan hembusan udara ke dalam mulut.

Wajarkan tindakan Khairul dalam menyelamatkan rakannya itu.

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

Nota:

Persamaan – 1m/2m
Perbezaan – 3m/2m
BT: Ms 20

Isi / Alasan – 2m
BT: Ms 20

SK 2.2 Heimlich Manoeuvre

SP 2.2.1 Menerangkan Heimlich Manoeuvre dan kepentingannya.

Elemen : Menilai

3 Rajah 3 menunjukkan situasi yang memerlukan bantuan kecemasan.



Rajah 3

Nyatakan kelebihan dan kelemahan kaedah bantuan kecemasan pada Rajah 3.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Kelebihan – 1m
Kelemahan – 1m
BT: Ms 25

BAB 3: TEKNIK MENGUKUR PARAMETER KESIHATAN BADAN

SK 3.1 SUHU BADAN

SP 1.1.1 Mengukur suhu badan menggunakan teknik yang betul

Elemen : Menganalisis

- 1. Rajah 1 menunjukkan dua jenis termometer yang terdapat di pasaran.



Termometer X

Termometer Y

Rajah 1

Banding bezakan kedua-dua jenis termometer dalam Rajah 1.

.....
.....

[2 markah]

Elemen : Menilai

- 2. Sejak pandemik Covid-19 melanda, setiap pelanggan dikehendaki memeriksa suhu badan sebelum memasuki sesebuah premis. Pemilik sebuah pasaraya ingin mengukur suhu badan pelanggannya.



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, pilih termometer yang bersesuaian dan terangkan alasannya.

.....
.....
.....

[2 markah]

Nota:

Persamaan – 1m
Perbezaan – 1m
BT: Ms 34

Pilihan – 1m
Isi / Hujah / Alasan – 1m
BT: Ms 34

SK 3.2 KADAR DENYUTAN NADI

SP 3.2.2 Menjalankan eksperimen bagi menentukan kadar denyutan nadi manusia

Elemen : Menilai

3. Pada suatu petang, Harith mengambil bacaan denyutan nadinya. Selepas itu, dia berlari sebanyak 2 kali mengelilingi padang mainan berdekatan rumahnya. Kemudiannya dia mengambil lagi bacaan nadinya.
 Pada pendapat anda, adakah bacaan nadi yang diambil sama? Wajarkan jawapan anda.

.....

[2 markah]

Nota:

Pilihan – 1m
 Isi / Alasan – 1m
 BT: Ms 39

SK 3.3 TEKANAN DARAH

SP 3.3.3. Menginterpretasi data daripada bacaan tekanan darah

Elemen : Menganalisis

4. Rajah 3 menunjukkan bacaan tekanan darah bagi seorang wanita.

Tekanan sistolik (mm/Hg)	160
Tekanan diastolik (mm/Hg)	110

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, apakah punca dan kesan masalah kesihatan yang dihadapi oleh wanita tersebut?

.....

[2 markah]

Punca – 1m
 Kesan – 1m
 BT: Ms 42

Elemen : Menilai

Nota:

5. Puan Izzati melakukan pemeriksaan tekanan darah di sebuah klinik dan mendapati bacaan tekanan darahnya adalah 150/90 mm/Hg. Apakah implikasi daripada bacaan tekanan darahnya itu. Jelaskan jawapan anda.

Isi / Hujah / Alasan – 2m
BT: Ms 42

.....
.....
.....

[2 markah]

SK 3.4 INDEKS JISIM BADAN (BMI)

SP 3.4.2 Menginterpretasi Indeks Jisim Badan dan membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil

Elemen : Menganalisis

6. Jadual 1 menunjukkan data ketinggian dan jisim bagi empat orang murid untuk mengira indeks jisim badan (BMI) mereka.

Pilihan – 1m
Alasan – 1m
BT: Ms 44

Murid	Jisim badan (kg)	Tinggi (m)	BMI
A	65	1.70	22.5
B	85	1.65	31.2
C	58	1.60	22.7
D	60	1.65	22.0

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, murid manakah dikategorikan sebagai obes? Jelaskan jawapan anda.

.....
.....

[2 markah]

BAB 4: TEKNOLOGI HIJAU DALAM MELESTARIKAN ALAM




SK 4.1 Kelestarian Alam Sekitar

SP 4.1.2 Menghubung kait kecekapan tenaga dengan teknologi hijau.

Elemen : Menilai

- Zaidi mendapati kos bil elektrik rumahnya agak tinggi setiap bulan berbanding bil elektrik rumah rakannya. Rakan Zaidi menasihatkannya agar menukar jenis lampu rumahnya kepada yang lebih jimat elektrik.

Jadual 1 menunjukkan maklumat berkenaan 3 jenis lampu yang terdapat dalam pasaran.

Jenis lampu/ aspek	 Diod pemancar cahaya (LED)	 Lampu pendarflour padat (CFL)	 Lampu pijar
Jangka hayat	25,000 jam	8,000 jam	1200 jam
Kuasa (Watt)	12 W	15W	60W
Harga	RM13.00	RM12.50	RM3.50
Pengeluaran karbon dioksida /tahun	20.4kg	25.4kg	102.1kg
Kos penggunaan elektrik sebulan	RM0.314	RM0.479	RM1.58

Jadual 1

Dengan meneliti maklumat dalam Jadual 1, bantu Zaidi memilih lampu yang sesuai untuk rumahnya . Wajarkan pilihan tersebut

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:

Pilih – 1m
Isi / Hujah / Alasan – 3m
BT: Ms 52

SK 4.3 Sektor Pengurusan Sisa dan Air Sisa

SP 4.3.1 Menerangkan isu sosiosaintifik dalam sektor pengurusan sisa dan air sisa

Elemen : Menganalisis

2. Jadual 2 menunjukkan jumlah sisa buangan di suatu tapak pelupusan sampah.

Tahun	Jumlah populasi (x1000)	Jumlah sisa (kg/kapita/hari)	Jumlah sisa yang dibuang ke tapak pelupusan (kg)
2011	562.60	0.84	172493.16
2012	596.90	0.86	187366.91
2013	633.30	0.88	203415.96
2014	672.00	0.90	220752.00

Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, huraikan pola jumlah sisa yang dibuang.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:

Pola – 2m
Penerangan – 2m
BT: Ms60

SK 4.4 Sektor pertanian dan perhutanan

SP 4.4.2 Mewajarkan aplikasi teknologi hijau dalam menangani isu Sosiosaintifik sektor pertanian dan perhutanan

Elemen : Menilai

3. Petikan di bawah menunjukkan buletin Universiti Malaysia Pahang berkenaan satu kajian mengenai penghasilan baja organik daripada sisa kilang kelapa sawit.



Baja kompos dari sisa kilang kelapa sawit untuk tanaman

4 February 2019

Pekan, 2 Februari- Umum telah mengetahui tanaman kelapa sawit merupakan tanaman pertanian terbesar di negara ini. Justeru, penggunaan kelapa sawit untuk menghasilkan minyak secara besar-besaran pasti meninggalkan sisa tandan kosong yang banyak. Malah, hanya 10 peratus sahaja minyak dapat dihasilkan, manakala 90 peratus lagi merupakan sisa pertanian yang dikenali sebagai biomass. Sesetengah sisa tersebut dijadikan makanan haiwan siap diproses namun selebihnya akan dibuang begitu sahaja.

Menyedari situasi tersebut, memberikan cetusan idea kepada penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) Dr. Nor Hanuni Ramli@Said, 34, menjalankan kajian mengenai penghasilan baja organik daripada sisa kilang kelapa sawit.

Menurut Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), kompos yang terhasil adalah 100% organik. Ia dihasilkan melalui Kaedah Pengomposan iaitu proses penguraian (Pengoksidaan) sisa buangan organik kepada bahan akhir yang stabil serta boleh digunakan semula untuk tanaman.

Sumber: <https://news.ump.edu.my/general/baja-kompos-dari-sisa-kilang-kelapa-sawit-untuktanaman>

Wajarkan penghasilan baja kompos dari sisa pertanian dalam menangani isu sosiosaintifik dalam sektor pertanian.

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Isi / Alasan – 2m
BT: Ms 62

SK 4.5 **Sektor Pengangkutan**

SP 4.5.1 **Menerangkan isu sosiosaintifik dalam sektor pengangkutan.**

Elemen : Menganalisis

- 4. Rajah 4 menunjukkan dua pengangkutan awam yang dinaiki oleh orang ramai untuk berulang-alik ke tempat kerja.



Bas awam



LRT

Rajah 4

Banding dan bezakan kedua-dua contoh pengangkutan awam tersebut dari segi kesannya terhadap alam sekitar.

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Persamaan – 1m
Perbezaan – 1m
BT: MS 65

BAB 5: GENETIK

SK 5.3 Mutasi

SP 5.3.2 Menerangkan dengan contoh faktor yang menyebabkan mutasi gen dan mutasi kromosom

Konstruk : Menganalisis

1. Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri seorang bayi yang menghidap penyakit gangguan gen yang disebabkan oleh mutasi kromosom



Rajah 1

Namakan penyakit yang dihidapi bayi tersebut dan terangkan bagaimana ia berlaku?

.....

.....

.....

[2 markah]

Nota:


Isi/hujah – 2m
BT: Ms 91

SK 5.3 Mutasi

SP 5.3.3 Menerangkan dengan contoh penyakit gangguan gen dengan ciri-cirinya dan kaedah mengesan penyakit tersebut

Konstruk : Menilai

2. Rajah 2 menunjukkan prosedur untuk mengesan keabnormalan sel fetus pada minggu ke-15 hingga minggu ke-20 kehamilan menggunakan kaedah amniosentesis.



Rajah 2

Wajarkah seseorang ibu hamil menjalankan kaedah ini. Terangkan jawapan anda.

.....

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Isi / Hujah / Alasan – 2m
BT: Ms 96

SK 5.4 Teknologi Kejuruteraan Genetik

SP 5.4.2 Membahaskan kesan teknologi kejuruteraan genetik dalam kehidupan

Konstruk : Menilai

- 4. Organisma termodifikasi genetik (GMO) adalah organisma variasi baru yang terhasil daripada gabungan gen dua spesies yang berbeza melalui teknologi kejuruteraan genetik. Teknologi ini banyak diaplikasikan dalam bidang pertanian dan penternakan.

Wajarkan aplikasi teknologi ini dalam bidang pertanian dan penternakan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:


Pilihan – 1m
Isi / Alasan – 3m
BT: Ms 101

SK 5.5 Variasi

SP 5.5.1 Berkomunikasi mengenai variasi selanjur dan variasi tak selanjur

Konstruk : Menganalisis

- 5. Rajah 3 menunjukkan graf bagi dua contoh bagi dua jenis variasi.



Rajah 3

Banding bezakan kedua-dua jenis variasi tersebut

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Persamaan – 1m
Perbezaan – 3m
BT: Ms 104


BAB 6: SOKONGAN, PERGERAKAN DAN PERTUMBUHAN

SK 6.1 Sokongan, pergerakan dan pertumbuhan haiwan

SP 6.1.2 Menghubungkan saiz rangka luar dengan pertumbuhan

Elemen : Menilai

- Rajah 1 menunjukkan graf pertumbuhan dua ekor ketam X dan ketam Y yang ditenak oleh seorang nelayan sungai. Beliau memelihara dua ekor ketam yang sama jenis, sama umur dan sama berat tetapi menjalankan bilangan proses Q yang berbeza.



Ketam X

Ketam Y

Rajah 1

Pilih ketam yang sesuai untuk dijual. Wajarkan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:

Pilih – 1m
 Isi / Hujah / Alasan – 3m
 BT: Ms 114

Nota:

SK 6.1 Sokongan, pergerakan dan pertumbuhan haiwan

SP 6.1.6 Menjalankan eksperimen untuk membandingkan kekuatan tulang yang padat dan tulang yang berongga

Elemen : Menganalisis

2. Burung mempunyai jenis tulang berongga manakala gajah mempunyai tulang padat. Banding dan bezakan antara tulang berongga dengan tulang padat.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]


Persamaan – 1m/2m
Perbezaan – 3m/2m
BT: Ms 124

SK 6.2 Pergerakan Dan Pertumbuhan Manusia

SP 6.2.2 Menjanakan idea yang masalah berkaitan sendi dan otot dalam kehidupan harian

Elemen : Menganalisis

3. Rajah 3 menunjukkan graf pertumbuhan lelaki dan perempuan. Pola pertumbuhan lelaki dan perempuan adalah berbeza.



Rajah 3

Berdasarkan graf pada Rajah 3, berikan perbezaan kadar pertumbuhan lelaki dan perempuan.

.....

.....

[2 markah]


Perbezaan – 2m
BT: Ms 132

SK 6.3 Sokongan, pertumbuhan dan kestabilan dalam tumbuhan

SP 6.3.1 Menerangkan sistem sokongan tumbuhan daratan dan akuatik

Elemen : Menilai

4. Rajah 4 menunjukkan pokok kacang panjang yang sedang berbuah.



Rajah 4

Seorang petani menggunakan cara di atas bagi menanam pokok labu. Adakah anda bersetuju? Berikan alasan anda

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Pilihan – 1m
Alasan – 1m
BT: Ms 133

BAB 7: KOORDINASI BADAN

SK 7.2 Gangguan kepada koordinasi badan

SP 7.2.2 Menaakul mengenai kesan penyalahgunaan dadah dan alkohol ke atas koordinasi badan dan kesihatan mental

Elemen : Menganalisis

1. Rajah 1 menunjukkan keadaan organ bagi dua individu yang berbeza



Organ Individu X



Organ Individu Y

Rajah 1

Nyatakan **dua** perbezaan di antara organ individu X dengan individu Y.

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Perbezaan – 2m
BT: Ms 156

Elemen : Menilai

2. Rajah 2 menunjukkan satu keratan akhbar



Rajah 2

Berdasarkan keratan akhbar tersebut, wajarkah perbuatan yang dilakukan oleh pemandu sehingga menyebabkan kemalangan maut berlaku. Terangkan kesan perbuatan itu terhadap koordinasi badan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

SK 7.2 Gangguan kepada koordinasi badan

SP 7.2.2 Menaakul mengenai kesan penyalahgunaan dadah dan alkohol ke atas koordinasi badan dan kesihatan mental

Elemen : Menganalisis

3. Dadah mungkin mendatangkan kesan yang baik atau buruk kepada badan bergantung pada cara penggunaannya. Dadah boleh digunakan untuk mengubati penyakit, contohnya metamfetamin dan barbiturat yang perlu diambil di bawah pengawasan doktor. Bandingkan dan bezakan kedua-dua contoh dadah tersebut terhadap koordinasi badan.

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Pilihan – 1m
Isi / Hujah / Alasan – 3m
BT: Ms 155

Persamaan – 1m
Perbezaan – 1m
BT: Ms 153

Elemen : Menilai

- 4. Rajah 4 menunjukkan dua jenis bahan yang digunakan untuk melegakan kesakitan.



Rajah 4

Bahan manakah yang boleh menjejaskan kesihatan sekiranya diambil secara berlebihan. Wajarkan jawapan anda.

.....
.....

[2 markah]

SK 7.3 Minda yang sihat

SP 7.3.1 Mewajarkan keperluan masyarakat yang mempunyai minda yang sihat

Konstruk : Menganalisis

- 5. Pernyataan berikut menarik perhatian warga pendidik dan ibu bapa.

Statistik menunjukkan bilangan kes remaja yang menerima rawatan psikiatrik semakin meningkat disebabkan oleh pelbagai faktor.

Terangkan pola peningkatan kes tersebut dalam kalangan remaja.

.....
.....

[2 markah]

Konstruk : Menilai

- 6. Wajarkan pandangan anda mengenai peningkatan bilangan kes tekanan mental dalam kalangan pelajar sekolah.

.....
.....

[2 markah]

Nota:

Pilihan – 1m
Isi / Alasan – 1m
BT: Ms 153

Faktor – 2m
BT: Ms 153

Isi / Alasan – 2m
BT: Ms 153


BAB 8: UNSUR DAN BAHAN

SK 8.1 Asas Jirim

SP 8.1.2 Menjelaskan kewujudan unsur dalam pelbagai bentuk

Elemen : Menganalisis

- Rajah 1 menunjukkan unsur hidrogen X dan Y dalam bentuk yang berbeza.



Rajah 1

Berikan **satu** persamaan dan **satu** perbezaan bagi X dan Y.

.....

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Persamaan – 1m
 Perbezaan – 1m
 BT: Ms 168

SK 8.3 **Isotop**


SP 8.3.3 **Berkomunikasi mengenai kegunaan isotop dalam pelbagai bidang**

Elemen : Menilai

- 4. Rajah 4 menunjukkan kegunaan isotop dalam teknologi makanan sebelum buah dieksport keluar negara.

Nota:

Pilih – 1m
Isi / Hujah / Alasan – 3m
BT: Ms 175



Rajah 4

Wajarkah isotop tersebut digunakan untuk jangka masa yang panjang?
Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]


BAB 9: KIMIA INDUSTRI

SK 9.1 ALOI

SP 9.1.2 Menjalankan eksperimen untuk membanding ciri aloi dengan logam tulennya.

Elemen : Menganalisis

1. Rajah 1 menunjukkan komposisi bagi dua jenis bahan.



Rajah 1

Banding bezakan antara bahan X dan bahan Y.

.....

.....


[2 markah]

Nota:

Persamaan - 1m
Perbezaan - 1m
BT: Ms 184

Elemen : Menilai

2. Rajah 2 menunjukkan dua jenis bahan P dan Q.



Rajah 2

Anda diminta memilih bahan yang sesuai untuk membina sebuah jambatan. Antara bahan P dan Q, yang manakah menjadi pilihan terbaik anda? Wajarkan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:


Pilih – 1m
 Isi / Hujah / Alasan – 3m
 BT: Ms 184

SK 9.1 ALOI

SP 9.1.3 Mewajarkan kegunaan aloi dalam kehidupan harian

Elemen : Menilai

3. Rajah 3 menunjukkan komposisi sejenis aloi.



Rajah 3

Aloi tersebut digunakan dalam pembuatan sebuah badan pesawat. Wajarkan.

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Sifat/Ciri – 2m
BT: Ms 184

SK 9.2 KACA DAN SERAMIK

SP 9.2.3 Mewajarkan kesesuaian penggunaan kaca dan seramik dalam kehidupan harian.

Elemen : Menilai

4. Rajah 4 menunjukkan suatu jubin seramik.



Jubin seramik

Rajah 4

Jubin seramik tersebut juga digunakan sebagai permukaan atas kabinet dapur. Wajarkah penggunaan tersebut? Beri alasan anda.

.....
.....

[2 markah]

Nota:

Pilihan – 1m
Alasan – 1m
BT: Ms 191

BAB 10: KIMIA DALAM PERUBATAN DAN KESIHATAN

SK 10.1 PERUBATAN TRADISIONAL, PERUBATAN MODEN DAN PERUBATAN KOMPLEMENTARI

SK 10.1 PERUBATAN TRADISIONAL, PERUBATAN MODEN DAN PERUBATAN KOMPLEMENTARI

SP 10.1.2 Menerangkan ubat-ubatan yang digunakan dalam perubatan tradisional, moden dan komplementari

Elemen : Menganalisis

- 1 Ubat boleh dihasilkan daripada dua sumber iaitu ubat semulajadi dan ubat buatan manusia. Banding dan bezakan ubat semulajadi dan ubat buatan manusia.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

SP 10.1.3 Mewajarkan penggunaan perubatan tradisional, moden dan komplementari.

Elemen : Menganalisis

2. Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 menunjukkan dua jenis kaedah perubatan yang biasa digunakan oleh orang ramai.



Rajah 2.1



Rajah 2.2

Banding dan bezakan kedua-dua jenis jenis kaedah perubatan ini.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:

Persamaan – 1m/2m
Perbezaan – 3m/2m
BT: Ms 210

Persamaan – 1m
Perbezaan - 1m
BT: Ms 205

SK 10.3 BAHAN ANTIOKSIDA

SP 10.3.1 Merihalkan bahan antioksid

Elemen : Menilai

3. Rajah 3.1 dan Rajah 3.2 menunjukkan sumber makanan yang kaya dengan bahan antioksidan.



Rajah 3.1



Rajah 3.2

Seorang ibu biasanya mengambil berat masalah kesihatan dan pemakanan harian anak-anak mereka. Cadangkan makanan yang manakah ibu itu patut berikan pada anaknya bagi mengekalkan mata yang sihat. Jelaskan jawapan anda.

.....

.....

.....

[2 markah]

Nota:

Pilih – 1m
Alasan – 1m
BT: Ms 214

SP 10.3.2 Menerangkan tindakan bahan antioksidan ke atas radikal bebas.

Elemen : Menganalisis

4. Rajah 4 menunjukkan keadaan yang berlaku di sebuah kilang.



Rajah 4

Terangkan perkaitan aktiviti kilang pada Rajah 4 dengan radikal bebas dan bagaimana bahan antioksidan dapat mengurangkan kesan tindakan radikal bebas.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

SK 10.4 PRODUK KESIHATAN

SP 10.4.2 Mewajarkan penggunaan produk kesihatan yang terdapat dalam Pasaran

Elemen : Menilai

5. Terdapat lambakan pelbagai produk kesihatan dalam pasaran pada masa sekarang disebabkan permintaan yang tinggi daripada masyarakat. Pada pendapat anda, wajarkah seseorang itu mengamalkan produk kesihatan dalam pemakanan mereka? Nyatakan alasan untuk menyokong jawapan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:

Fakta – 4m
BT: Ms 215

Pilih – 1m
Alasan – 3m
BT: Ms 218

BAB 11: DAYA DAN GERAKAN

SK 11.1 GERAKAN LINEAR

SP 1.1.1 Menerangkan perbezaan antara jarak dan sesaran serta unit ukuran dalam kehidupan harian.

Elemen : Menganalisis

1. Kaji pernyataan berikut.

Gerakan linear ialah gerakan suatu objek dalam lintasan lurus.
Jarak dan sesaran adalah contoh gerakan linear.

Banding bezakan antara jarak dan sesaran.


.....

.....

[2 markah]

Elemen : Menilai

2. Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 menunjukkan dua jenis alat yang digunakan untuk mengukur jarak yang digunakan dalam suatu industri.



Rajah 2.1



Rajah 2.2

Pilih alat pengukuran yang paling sesuai untuk pekerja industri bagi memudahkan tugas kerja pengukurannya? Wajarkan pilihan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Nota:

Persamaan – 1m
Perbezaan – 1m
BT: Ms 226

Pilihan – 1m
Kelebihan – 3m
BT: Ms 227 (QR code)

